

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]**

**SOALAN**

Minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan anggaran nilai potensi ekonomi maritim Malaysia dalam tempoh 2020-2025 mengikut kategori:

- (a) pembinaan, pembaikan, penyelenggaraan kapal dan perkapalan; dan
- (b) penjanaan elektrik dari sumber angin dan pasang surut dan pelancongan.

**JAWAPAN**

**Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2018, perolehan sebenar bagi 40 shipyards adalah sebanyak RM1.7 Bilion. Manakala bagi tahun 2019 pula, perolehan dijangka meningkat menjadi RM2.0 Bilion dan jika diambil kira kesemua 99 shipyards (31 di Semenanjung dan 68 di Sabah & Sarawak) perolehan boleh mencecah sebanyak RM3.0 Bilion.

2. Namun begitu, untuk tempoh 2 minggu pertama sahaja Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan (Mac 2020) dan mengambil kira industri berkaitan/sokongan Ship Building Ship Repair (SBSR), adalah dianggarkan industri mengalami kerugian sebanyak RM30.0 juta bagi setiap 2 minggu, dan secara keseluruhannya ia bermakna sebanyak RM90.0 juta akan hilang akibat impak COVID-19.

3. Kesan COVID-19 sebenarnya telah mula ditunjukkan pada suku keempat tahun 2019. Jika dibandingkan suku pertama 2019 dan suku pertama 2020, terdapat sebanyak 38% penurunan hasil dalam masa hanya satu tahun.
4. Pasaran SBSR di negara sepatutnya menjadi lebih baik selepas Prospek Pasaran Petronas dikeluarkan kepada umum pada akhir 2019. Pembangunan bangunan baharu dan pembaharuan armada Offshore Support Vessel (OSV) untuk pasaran minyak dan gas (O&G) sepatutnya menjadi sumbangan besar bagi pengambilan pasaran SBSR di Malaysia.
5. Berdasarkan pulangan tahunan dari tahun 2013 hingga 2017, adalah dianggarkan pulangan bagi tempoh lima (5) tahun ke hadapan bagi tahun 2020 hingga 2025 adalah sebanyak RM25.0 bilion termasuk RM3.0 bilion hasil daripada program pembangunan Petronas. Namun begitu, pandemik COVID-19 secara amnya telah menyebabkan kemerosotan ekonomi kepada pasaran SBSR di Malaysia.
6. Jika impak COVID-19 bertambah buruk, dan terdapat gangguan yang berpanjangan terhadap bekalan bahan yang diperlukan untuk industri SBSR, terdapat kemungkinan hasil pendapatan industri ini akan menguncup lagi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]**

**SOALAN**

**TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semua jenis, nilai dan kutipan duti anti lambakan dari tahun 2010 hingga 2020 untuk :-

- (a) barang buatan luar negara dikenakan duti anti lambakan Malaysia; dan
- (b) barang buatan Malaysia yang dikenakan duti anti lambakan luar negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pengenaan duti anti-lambakan dibuat setelah Kerajaan memuktamadkan penyiasatan anti-lambakan yang dijalankan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 (Akta 504) dan Perjanjian Pelaksanaan Artikel IV, Perjanjian Am Tarif dan Perdagangan 1994 di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (Perjanjian WTO berkaitan Anti-Lambakan).

a. **barang buatan luar negara yang dikenakan duti anti-lambakan Malaysia;**

- i. Sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga kini, Kerajaan telah memuktamadkan sejumlah 14 penyiasatan Anti-Lambakan yang melibatkan 16 produk yang diimport oleh pengeluar atau pengeksport dari beberapa negara yang didakwa (*alleged countries*). Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 11 penyiasatan anti-lambakan melibatkan import dagangan subjek dari negara Amerika Syarikat (AS), Republik Rakyat China (China), Jepun, Republik Korea (ROK), China Taipei (Taiwan) dan Republik Sosialis Viet Nam (Viet Nam) dengan enam (6) penyiasatan anti-lambakan telah tamat tempoh kutipan duti dan lima (5) penyiasatan anti-lambakan masih berkuatkuasa.
- ii. Dari tahun 2010 sehingga kini, Kerajaan telah mengutip duti anti-lambakan berjumlah RM70,092,699.10 dari keenam-enam negara tersebut. Butiran terperinci duti anti-lambakan yang telah dikutip ke atas import dagangan subjek dari AS, China, Jepun, ROK, Taiwan dan Viet Nam adalah seperti di **Lampiran I**.

b. **barang buatan Malaysia yang dikenakan duti anti-lambakan luar negara.**

- i. Malaysia secara amnya dan pengeluar atau pengeksport dari Malaysia khususnya tidak terkecuali daripada dikenakan duti anti-lambakan oleh negara-negara luar. Sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga kini, pengeluar Malaysia telah dikenakan duti anti-lambakan dari pelbagai negara dan ke atas pelbagai produk. Dalam tempoh tersebut, penyiasatan Anti-Lambakan yang telah dimuktamadkan oleh Kerajaan asing melibatkan 37 jenis dagangan subjek yang berasal atau dieksport dari Malaysia ke 12 buah negara destinasi. Butiran terperinci Penentuan Muktamad Afirmatif oleh Kerajaan asing bagi penyiasatan anti-lambakan yang telah dimuktamadkan ke atas dagangan subjek yang berasal

atau dieksport dari Malaysia ke Afrika Selatan, AS, Australia, India, Indonesia, Kesatuan Eropah, Mesir, New Zealand, Thailand, Turki dan Viet Nam adalah seperti di **Lampiran II**.

1. Walau bagaimanapun, jumlah duti anti-lambakan yang telah dikutip oleh Kerajaan / negara asing tidak dapat diperolehi sepenuhnya antaranya atas sebab-sebab berikut:

- Kementerian atau agensi kerajaan asing berkaitan tidak mengasingkan atau mengenalpasti maklumat kutipan duti anti-lambakan daripada kutipan duti import bagi lain-lain tujuan melalui sistemnya;
- maklumat tersebut merupakan maklumat sulit; dan
- Kementerian atau agensi kerajaan asing berkaitan memerlukan masa yang mencukupi untuk kebenaran berkongsi dan mengekstrak maklumat dari sistemnya.

2. Untuk makluman, secara amnya kadar kutipan duti anti-lambakan adalah berdasarkan:

- margin lambakan yang ditentukan ke atas setiap pengeluar atau pengeksport yang bekerjasama dan lain-lain pengeluar atau pengeksport yang tidak bekerjasama semasa siasatan dijalankan;
- nilai eksport sebenar (*Cost, Insurance and Freight* - CIF) yang dibuat oleh pengeluar atau pengeksport; dan
- pengenaan duti anti-lambakan secara amnya untuk lima (5) tahun.

Sekian, terima kasih.